



ISTANA ikonik-Musim Panas yang menjadi tumpuan para pengunjung ke Beijing, China.



BASIKAL merupakan pengangkutan utama yang digunakan oleh rata-rata rakyat China.

NAJIB (kiri) disambut mesra oleh Perdana Menteri China, Li Keqiang sempena Lawatan Rasmi Perdana Menteri Malaysia ke China sempena Ulang Tahun ke-40 Hubungan Dua Hala Malaysia-China pada November 2014.



Jalinan diplomasi dua negara



Oleh HAIKAL RAMAN
haikal.raman@kosmo.com.my

Kedua-dua buah negara, Malaysia dan China berazam untuk mengukuhkan lagi hubungan diplomatik yang terjalin sejak empat dekad lalu.

SEBAIK memasuki ruangan udara wilayah komunis, hati yang resah kini bertukar girang. Menjengah ke luar jendela bersaiz dua tapak tangan itu, perasaan kagum mula menerjah dengan keindahan nilai estetika struktur bangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Xiamen Gaoyi, Fujian, China.

Negara yang mengamalkan dasar pintu tertutup semasa pemerintahan Manchu pada kurun ke-19 itu menyimpan sejuta rahsia di sebalik kejayaan dan pembangunan raneak yang diraih hampir setengah abad lalu.

Cuaca musim panas yang tidak terlalu terik menyapa tubuh sejak kaki memijak di tanah yang pernah ingin memerintah Tanah Melayu suatu masa dahulu. Walaupun dalam keadaan teruja, hadir sedikit perasaan gentar apabila memikirkan penerimaan penduduk tempatan terhadap pelancong asing ke negara

itu.

Itulah debaran dan kerutangan yang dirasakan kursus Ahmad Saiful Bahri Zaid, 26, dan 11 lagi rakannya ketika pertama kali menjejakkan kaki ke bumi itu untuk mendaftar sebagai kelompok pelajar baharu di Taeco Training Centre, Xiamen.

Budaya

Semua persepsi awal itu lenyap selepas lepasan kursus Lesen Jurutera Kapal Terbang itu melihat China sebagai sebuah negara yang penuh dengan keunikan budaya selain mengamalkan gaya hidup sihat serta ramah.

"Kegusuran itu hilang selepas kami mendapat



AHMAD SAIFUL BAHRI

layanan mesra daripada masyarakat tempatan sebaik tiba di Xiamen. Malah sambutan yang cukup luar biasa diberikan oleh pihak pengajian membuatkan kami berasa selesa dalam komuniti ini," ujar Saiful yang mengimbau kenangan menjadi kelompok pertama Yayasan Terengganu ke Xiamen bagi kursus tersebut.

Xiamen merupakan bandar kedua yang sesuai dijadikan penempatan penduduk kerana cuaca yang tidak ekstrem telah melukis pengalaman manis kumpulan pelajar itu. Ia bukan sahaja menyediakan pemandangan indah

kepulauan, malah komuniti di situ turut menjadi 'keluarga' kedua membantu mereka menjalankan

PANDA gergasi, Xing Xing dan Liang Liang yang dipinjamkan kerajaan China menjadi lambang hubungan erat dua negara.

kehidupan di sana. Sebagai individu Muslim, perkara yang paling penting bagi mereka ketika itu adalah makanan halal. Pada minggu pertama, agak sukar mendapatkan sumber tersebut berikutan kumpulan itu tidak mahir dengan kawasan berkenaan, tambahan pula pelajar senior mereka terdiri daripada bukan Muslim.

"Saya berkomunikasi menggunakan bahasa tubuh dengan mengepak-ngepakkan lengan untuk menggambarkan ayam ketika mahu membeli ayam hidup. Ayam yang dibeli kemudiannya disembelih sendiri di hadapan kedai tersebut sebelum mengenali beberapa pembekal makanan halal di kawasan berkenaan," ujarnya yang memberitahu, mereka mengambil inisiatif mempelajari komunikasi asas dengan pemsyarah warga China selain bergaul bersama komuniti itu.

Jekaja yang memiliki kulit cerah itu membantu, wilayah Fujian mempunyai signifikansi dengan Malaysia kerana kebanyakan nenek moyang kaum China di negara kita berasal dari kepulauan tersebut.

Pelancong

Rakyat di sana sangat menjaga kebajikan pelancong yang datang ke negara itu tambahan pula setelah mengetahui Saiful dan rakannya adalah rakyat Malaysia. Mungkin perkara tersebut adalah hasil kejayaan hubungan diplomasi yang dijalinan antara kerajaan Malaysia dan China.

Sementara itu, Felo Kanan

Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Profesor Madya Dr. Kartini Abu Talib**, berkata, hubungan diplomasi China dengan rantau ini bermula sejak tahun 1404 semasa pemerintahan Maharaja Yung Lo dari Dinasti Ming.

"Semasa utusan kerajaan Ming yang diketuai oleh Laksamana Cheng Ying Ching tiba di Melaka, negeri itu diancam kerajaan Siam dan Majapahit. Parameswara yang menjadi pemerintah pada waktu itu telah mengambil peluang untuk menjalin hubungan diplomatik dengan China," katanya ketika dihubungi.

Kerajaan Ming turut menghantar sebuah inskripsi ke Melaka bersama cap mohor, sepasang kain sutera dan payung kuning sebagai simbolik hubungan dua hala tersebut. Malah hubungan itu diperkukuhkan apabila Parameswara mengambil langkah untuk melawat negara Dagangan Sutra pada tahun 1409.

Kartini memberitahu, pada zaman moden ini, hubungan dua hala itu semakin berkembang dari era 1970-an ketika dunia dibelenggu Perang Dingin dan Asia Tenggara pula diserang ideologi komunis. Malaysia pada ketika itu diperintah oleh Alaiyaharham Tun Abdul Razak Hussein, telah merintis hubungan diplomatik dengan China

pada tahun 1974.

Pemangkin

"Prinsip Tun Abdul Razak memberi ruang kepada China bagi menjalin hubungan diplomatik dengan negara-negara ASEAN yang lain menyebabkan usaha dihargai oleh China kerana ia menjadi pemangkin kepada hubungan ASEAN-China ketika ini.

"Malaysia juga telah memainkan peranan utama dua dekad lepas ketika mempromosi kepentingan dialog ASEAN-China. Pada 31 Mei tahun lalu menjadi detik sejarah ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik antara Malaysia-China yang dimeterai oleh Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri China Zhou Enlai di Dewan Agung Rakyat, Dataran Tiananmen di Beijing."



CHENG CHWEE

Lonjakan

China mengamalkan dasar tertutup semasa pemerintahan Manchu dalam kurun ke-19. Ketika itu, China mengenakan peraturan-peraturan ketat kepada pedagang Barat memerusi dasar perdagangan luar dihadkan dan diketatkan.

China tidak merelukan barangan Barat kerana ia mengamalkan ekonomi sara diri dan mempunyai sumber bekalan makanan yang mencukupi untuk rakyatnya.

China yang pernah mengamalkan dasar tertutup kerana pemimpin mereka menganggap bahawa negara tersebut sebagai *Middle Kingdom* iaitu negara kayangan dan bertamadun tinggi berbanding negara lain.

Dalam pada itu, Pemsyarah di Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, UKM, **Profesor Madya Dr. Kuik Cheng Chwee** berkata, hubungan Malaysia-China mencapai tonggak baharu selepas lawatan Presiden Xi Jinping pada Oktober 2013 lalu, apabila kedua-dua negara meningkatkan pertalian dua hala ke tahap strategi perkongsian komprehensif.

Ini merupakan satu lagi lonjakan jalinan diplomasi antara Malaysia dan China kerana ia mengambarkan keazaman pemimpin kedua-dua negara untuk mengeratkan lagi hubungan tersebut bukan sahaja dari segi perdagangan, malah bersifat menyeluruh.

Hubungan dua negara itu bukan sahaja dalam lingkungan perihai ekonomi tetap juga dalam bidang lain seperti sosial, budaya, pendidikan, dan kemanusiaan, walaupun kerjasama pertahanan masih berada dalam tahap yang rendah.

Bagaimanapun, hubungan Malaysia-China mungkin diuji dalam isu tuntutan bertindih yang melibatkan gugusan Kepulauan Spratly, namun kedua-dua negara itu tidak mudah melatah malah mengambil pendekatan berhati-hati untuk menguruskannya.

"Konflik geopolitik ini meletakkan enam pihak iaitu Malaysia, Vietnam, Filipina, Brunei, China, dan Taiwan. Namun, pendekatan yang diambil oleh Malaysia amat berhemah berbanding negara Vietnam dan Filipina.

Menurut Cheng Chwee, polisi diplomasi sama jarak (*equidistance policy*) yang tidak menyebelahi mana-mana pihak kuasa besar telah meraih kepercayaan China. Negara tersebut amat menghargai pendekatan kesederhanaan dasar luar Malaysia.

"China turut menghargai peranan penting Malaysia dalam ASEAN serta usaha Malaysia untuk mengeratkan hubungan ASEAN-China," katanya.

Tambah Cheng Chwee, hubungan China terhadap Malaysia dikatakan mungkin diuji selepas peristiwa kehilangan pesawat penerbangan Malaysia MH370.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengukuli, hubungan erat Malaysia dan China tidak terjeraj berikutan insiden tersebut, malah ia memberi peluang kepada kedua-dua negara untuk mengukuhkan lagi hubungan diplomatik yang terjalin sejak empat dekad lalu.

China turut memberikan komitmen untuk meneruskan kerjasama dan bantuan yang diberikan sehingga fasa seterusnya seperti yang dipersetujui dalam perjanjian tiga pihak antara China, Malaysia dan Australia.

Ini adalah bukti manifestasi hubungan politik dua hala yang seharusnya menjadi teladan kepada negara-negara lain.



INSIDEN MH370 sedikit pun tidak mengugat hubungan dua hala antara Malaysia-China.